

EMBARAK MERUDUKA DUNIA Membaca dalam Islam, bukan

16 OGOS - 13 SEPTEMBER

Tiada lagi stigma rakyat Malaysia malas membaca sekiranya analisis tabiat membaca masyarakat di negara ini oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) diambil kira.

Ini kerana analisis PNM itu mencatatkan peningkatan kadar pembacaan berdasarkan kenaikan 33.2 peratus bilangan pinjaman buku yang dicatatkan di tahun lalu.

Rekod PNM mencatatkan 1.03 juta naskhah buku dipinjam pada 2011 berbanding 776,347 pada tahun sebelumnya.

Bagaimanapun, membaca tidak cukup untuk lulus peperiksaan atau disinomimkan dengan golongan pelajar seperti yang ditegaskan pengarang dan pendakwah bebas, Dr Zulkifli Mohamad Al Bakri yang menganggap ia sepatutnya menjadi amalan hidup dan dibudayakan. "Kalau diimbis antara 1990-an



Antara khulayk ikuti ceramah **kuasa iqra Menguasai Dunia Merahmati Akhirat**.

hingga 2000, kepelbagaian genre buku yang diterbitkan menarik perhatian dan minat membaca dalam masyarakat semakin meningkat. "Memang sejak dulu pun, minat membaca itu ada, tetapi apakah

sekadar hiburan

Dr Zulkifli berkata, membaca dalam Islam ialah perkara paling penting kerana Islam dan ilmu tidak boleh dipisahkan, sekali gus mencegaskan membaca tidak boleh hanya dijadikan hobi atau mengisi masa lapang sebaliknya menjadi budaya dan tabiat sehari-hari.

"Ayat pertama al-Quran yang Allah turunkan adalah Iqra maksudnya bacalah. Allah tidak turunkan ayat mengenai zakat, puasa atau solat dulu tetapi ayat yang menyuruh membaca kerana kegelapan hanya boleh disuluh dengan ilmu.

"Seseorang yang membaca ibarat baru memulakan kehidupan kerana apabila banyak membaca, banyak maklumat dihadam, sekali gus dia menjadi jauh lebih hebat daripada orang lain," katanya yang juga pengarang buku **Kuasa Iqra: Menguasai Dunia Merahmati Akhirat**.

Beliau berkata, budaya membaca bukan bererti menerima bulat-bulat apa yang dibaca, sebaliknya membaca dengan analitikal, iaitu menghadamkan maklumat dan menganalisis.

"Sejarah kecemerlangan intelektual Islam dulu disebabkan membaca sudah menjadi kebiasaan daripada diri mereka seperti Imam Syafie yang sudah membaca kitab tulisan Imam Malik pada usia semuda 10 tahun.

"Apatah lagi pada masa kini yang diketahu sebagai zaman maklumat, maka membaca seharusnya menjadi gaya hidup kerana tanpa membaca, seseorang itu banyak ketinggalan," katanya. Program wacana buku itu adalah sebahagian daripada acara Semarak Merdeka yang diadakan di kampus USIM sempena meraikan ulang tahun kemerdekaan negara.

Dr Zulkifli menyampaikan ceramah **'Kuasa Iqra Menguasai Dunia Merahmati Akhirat'** pada program semarak merdeka di USIM.